



14 MAR, 2023

## Kerajaan tubuh pasukan khas EV



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Kerajaan tubuh pasukan khas EV



Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menujuhan pasukan khas untuk menguruskan dan merancang dasar kenderaan elektrik (EV) negara.  
- Gambar hiasan

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menujuhan pasukan khas untuk menguruskan dan merancang dasar kenderaan elektrik (EV) negara.

Timbalan Menterinya, Liew Chin Tong berkata, menujuhan pasukan itu juga telah diluluskan Jemaah Menteri pada 17 Februari lalu.

Menurutnya, antara peranan yang dimainkan pasukan khas itu adalah untuk meneliti beberapa perkara berkaitan EV, sebelum kerajaan memutuskan untuk melaksanakan dasar tersebut.

"Untuk EV ini kita ada beberapa perkara (yang perlu diteliti) pertamanya, mengenai siapa yang akan dipilih menjadi pengeluar serta jenama apa yang yang akan diberikan peluang untuk dijual di sini (Malaysia).

"Keduanya mengenai stesen pengecasan dan akhirnya rangkaian elektronik dan elektrik dengan pengeluar EV. Jadi inilah perkara yang kerajaan perlukan untuk menggariskan masa depan untuk industri ini," katanya di Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Abdul Latiff Abdul Rahman (PN - Kuala Krai)** yang bertanya mengenai perancangan kerajaan untuk mengeluarkan EV dalam masa terdekat.

Chin Tong sebelum ini dilaporkan berkata, kerajaan mempertimbangkan penggunaan EV termasuk hibrid sebagai kenderaan rasmi jabatan dan jawatan dalam usaha meningkatkan jumlah penggunaan kenderaan tersebut.

Jelas beliau, perkara berkenaan sedang diperhalusi oleh Kementerian Kewangan.